

**SURAT SETUJU TERIMA
(Bagi Tender Perunding)**

Untuk Perolehan Dengan Firma Perunding Yang Berdaftar Di Bawah JKDM Bagi **Perkhidmatan Perunding**
Yang Dikenakan Cukai Di Bawah Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2024

Rujukan Kami : dlm. JPS.BPB(S)600-1/1/8.3 (2)

Tarikh : 11 Mei 2026

ILHAM JURUTERA SDN. BHD.
34A, Tingkat 1,
Jalan NCity 1/1, N-City,
08000 Sungai Petani,
KEDAH DARUL AMAN

Tuan,

**Lantikan Tender Untuk : PERKHIDMATAN PERUNDING BAGI REKABENTUK TERPERINCI
RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI TRONG, DAERAH LARUT,
MATANG DAN SELAMA, PERAK DARUL RIDZUAN**

No. Tender : JPS/IP/C/BPB/32/2026

Dengan ini dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju menerima tawaran tender syarikat tuan dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia **Dua Juta Tiga Ratus Tiga Puluh Tiga Ribu Dua Ratus Empat dan Empat Puluh Enam Sen (RM2,333,204.46)** yang merupakan harga kontrak bagi tempoh kontrak selama **56 bulan** tertakluk kepada dokumen tender yang menjadi sebahagian daripada perolehan ini dan Surat Setuju Terima ini berserta dengan **Lampiran A** kepada Surat Setuju Terima iaitu maklumat terperinci kontrak (selepas ini disebut sebagai "Surat ini").

2. Dengan pengakuan penerimaan Surat ini, suatu kontrak yang mengikat terbentuk antara Kerajaan dengan syarikat tuan. Satu dokumen kontrak hendaklah ditandatangani dengan kadar segera dengan memasukkan semua terma sebagaimana dokumen tender serta semua terma dalam **Lampiran A**. Sehingga dokumen kontrak tersebut ditandatangani, Surat ini hendaklah terus mengikat kedua-dua pihak.

3. Harga kontrak adalah termasuk peruntukan Kerajaan sebanyak **8%** cukai perkhidmatan memandangkan perkhidmatan ini dikenakan cukai dan syarikat tuan berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Pembayaran cukai perkhidmatan ini adalah dikira berdasarkan tuntutan sebenar dan tarikh kuat kuasa pendaftaran syarikat tuan dengan JKDM.

4. Adalah dimaklumkan bahawa tiada perkhidmatan boleh dibuat **melainkan** jika syarikat tuan telah mengemukakan kepada Kerajaan dokumen-dokumen berikut:

- *(a) suatu polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional yang diambil atas nama syarikat tuan;
- (b) jadual pelaksanaan keseluruhan perkhidmatan perunding yang muktamad; dan
- (c) senarai nama kakitangan perunding (terdiri daripada kakitangan Perunding Utama dan sub perunding) yang terlibat dalam projek ini berserta peranan masing-masing,

seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A** tidak melebihi 30 hari dari tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan, boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa cara jua bertanggung terhadap syarikat tuan **melainkan jika** penepian bertulis diberikan oleh orang yang diberi kuasa, bagi perkhidmatan yang perlu dibuat dengan segera atau serta-merta apabila kelewatan itu akan memudarat dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) : Tandatangan & Cop (Syarikat) :
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini

5. Setelah arahan dikeluarkan oleh Kerajaan, syarikat tuan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan. Sekiranya syarikat tuan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, Kerajaan berhak membatalkan arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages* (LAD) seperti yang ditetapkan dalam **Lampiran A**. Kerajaan juga berhak menolak apa-apa deliverables sekiranya deliverables tersebut tidak memuaskan hati serta memenuhi kehendak Kerajaan dan dikemukakan semula selaras dengan dengan kualiti dan tempoh yang ditetapkan.

*6. Syarikat tuan juga adalah dikehendaki melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan berdasarkan harga kontrak dengan bilangan minimum peserta PROTÉGÉ sebanyak orang tanpa sebarang kos kepada Kerajaan. Bilangan minimum peserta yang diperlukan hendaklah dikira berdasarkan formula di bawah:

$$\frac{1\% \times \text{Harga Kontrak}^*}{\text{RM24,000}^{**}}$$

*Bagi tujuan pengiraan PROTÉGÉ, Harga Kontrak adalah nilai tawaran yang dipersetujui tanpa cukai

*6. Syarikat tuan juga adalah digalakkan melaksanakan program *Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

7. Bagi tujuan program PROTÉGÉ ini, syarikat tuan adalah dikehendaki untuk:

- (a) mengemukakan Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ berdasarkan tempoh kontrak kepada Sekretariat PROTÉGÉ untuk kelulusan dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh pengakuan penerimaan Surat ini oleh syarikat tuan;
- (b) melaksanakan program ini mengikut Jadual Pelaksanaan Program PROTÉGÉ yang diluluskan oleh Sekretariat PROTÉGÉ;
- (c) mengemaskini maklumat berkaitan pengalaman syarikat melaksanakan program PROTÉGÉ dalam sistem ePerolehan di Kementerian Kewangan atau sistem di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), mengikut mana yang berkaitan;
- (d) mengemukakan sijil atau surat pengesahan oleh Sekretariat PROTÉGÉ kepada Agensi sebaik sahaja pelaksanaan program PROTÉGÉ selesai; dan
- (e) mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaan program PROTÉGÉ kepada Sekretariat PROTÉGÉ.

*8. Sekiranya syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 6 dan 7 atau arahan oleh Kerajaan, Kerajaan berhak untuk tidak mempertimbangkan sebarang tawaran kontrak baharu atau pelanjutan kontrak pada masa hadapan kepada syarikat tuan.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :



Tandatangan & Cop (Syarikat)



9. Syarikat tuan juga adalah diingatkan bahawa Kerajaan berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 4 dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- (b) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Perunding Berjaya;
- (c) syarikat tuan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat tuan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (e) syarikat tuan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (f) syarikat tuan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan Kerajaan terlebih dahulu;
- (g) syarikat gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**;
- (h) syarikat tuan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen tender;
- (i) syarikat tuan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat tuan digulungkan;
- (k) syarikat gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (l) syarikat tuan tidak mendapat kelulusan daripada Kerajaan terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa; atau
- (m) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

10. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 9, Kerajaan tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat tuan termasuk kerugian masa hadapan.

11. Bersama-sama Surat Akuan Perunding Berjaya dan Surat Akuan Sumpah Syarikat seperti di **Lampiran B** dan **Lampiran C** untuk ditandatangani oleh syarikat tuan dan dikembalikan bersama-sama dengan Surat ini.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :   Tandatangan & Cop (Syarikat) :  


12. Surat ini dihantar kepada syarikat tuan dalam tiga (3) salinan. Sila kembalikan ke pejabat ini salinan asal dan kedua berserta lampiran yang berkaitan yang telah ditandatangani dengan sempurna oleh syarikat tuan dan saksi syarikat tuan tidak melebihi 14 hari dari tarikh Surat ini diterima untuk tindakan kami selanjutnya. Apa-apa kegagalan dalam mematuhi kehendak di perenggan ini dalam tempoh masa yang ditetapkan boleh mengakibatkan Surat ini terbatal dan Kerajaan tidaklah dengan apa-apa jua bertanggungjawab terhadap syarikat tuan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(Ir. HAJI HANZAN BIN DERAMAN, P.M.K)

Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Bisnes)
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :




Tandatangan & Cop (Syarikat) :




PENGAKUAN PENERIMAAN SURAT SETUJU TERIMA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini disahkan bahawa yang bertandatangan di bawah ini mengakui penerimaan Surat ini dan lampiran yang berkaitan yang rujukannya ialah dlm. JPS.BPB(S)600-1/1/8.3 (2) bertarikh 11 Mei 2026 dan bersetuju dengan terma dan syarat yang terkandung dalam Surat ini tanpa syarat yang mana salinan kepada Surat ini telah pun disimpan, dan selanjutnya disahkan bahawa tiada apa-apa terma, syarat atau stipulasi tambahan kepada yang terkandung dalam dokumen tender dan Surat ini telah dikenakan.



(Tandatangan Syarikat)

Nama Penuh : IR. JAMALUDDIN BIN ABDULLAH
No. Kad Pengenalan : 650311-08-5035
Alamat : Managing Director



(Tandatangan Saksi Syarikat)

Nama Penuh : IR. MOKHZANI BIN ABDUL HALIM
No. Kad Pengenalan : 790719-07-5599
Alamat : Director

Tarikh : ILHAM JURUTERA SDN. BHD. (436442-A)
34A, Tingkat 1,
Jalan NCITY 1/1, N-City,
08000 Sungai Petani Kedah Darul Aman
Meterai atau Cop Syarikat : 1717 / 04-420 1177

Tarikh : ILHAM JURUTERA SDN. BHD. (436442-A)
34A, Tingkat 1,
Jalan NCITY 1/1, N-City,
08000 Sungai Petani Kedah Darul Aman
Tel: 04-424 1717 / 04-420 1177



*potong mana yang tidak berkenaan

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :



Tandatangan & Cop (Syarikat)



5 daripada 10

BUTIRAN KONTRAK

**Perkhidmatan Perunding Bagi Rekabentuk Terperinci Rancangan Tebatan Banjir Sungai Trong,
Daerah Larut, Matang Dan Selama, Perak Darul Ridzuan**

1. Pendaftaran Syarikat Dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) (jika berkaitan)

- 1.1 No. Pendaftaran : 199701020945 (436442-A)
1.2 Tempoh Sah Laku : Tidak berkaitan

2. Pendaftaran Syarikat Dengan Lembaga Profesional (jika berkaitan)

- 2.1 No. Pendaftaran : 2697-1000-00000-BC-448
2.2 Tempoh Sah Laku : 31 Disember 2026

3. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan (jika berkaitan)

- 3.1 No. Pendaftaran : 465-00001235
3.2 Tempoh Sah Laku : 01/01/2024 – 29 /01/2027
3.3 Kod Bidang : 330101
3.4 Ekuiti Bumiputera : 100%

4. Pendaftaran Cukai Perkhidmatan dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia

- 4.1 No. Pendaftaran : K11-1808-31040693
4.2 Tarikh Kuat Kuasa : 01/09/2018

5. Harga dan Tempoh Kontrak

- 5.1 Harga Tender (butiran harga seperti di **Lampiran A1**) : RM2,160,374.50
5.2 Peruntukan Cukai Perkhidmatan : RM172,829.96
5.3 Harga Kontrak : RM2,333,204.46
5.4 Tempoh Kontrak : 56 Bulan
5.5 Tarikh Mula Perkhidmatan : 25 Mei 2026
5.6 Tarikh Tamat Perkhidmatan : 25 Januari 2031

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :

Tandatangan & Cop (Syarikat) :

6 daripada 10

6. **Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Perunding**

* Terma Rujukan/Skop Perkhidmatan Perunding yang ditetapkan seperti di **Lampiran A2**

7. ***Polisi Insurans Tanggung Rugi Profesional (jika berkaitan)**

7.1 Nilai Polisi : RM1,000,000.00

7.2 Tempoh Perlindungan : Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan

8. **Kenaan Liquidated & Ascertained Damages (LAD)**

(Lewat mengemukakan deliverables yang telah dipersetujui)

8.1 Formula :
$$\frac{\text{Base Lending Rate}}{100} \times \frac{\text{Yuran Perunding}}{365}$$

(tertakluk minimum RM100 sehari)

$$\frac{6.65}{100} \times \frac{\text{RM2,160,374.50}}{365}$$

(tertakluk minimum RM100 sehari)

8.2 Kadar sehari : RM393.60

9. ***Professional Training And Education For Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) (jika berkaitan)**

(Bagi perolehan yang telah melebihi nilai ambang berdasarkan 1PP/PK1.2)

9.1 Tertakluk kepada pelaksanaan Program PROTÉGÉ : Ya / Tidak


9.2 Bilangan minimum peserta PROTÉGÉ : peserta

*potong mana yang tidak berkenaan

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :



Tandatangan & Cop (Syarikat) :



7 daripada 10

Samb. Surat : dlm. JPS.BPB(S)600-1/1/8.3 ()

Salinan Kepada :

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Bahagian Perolehan Kerajaan
Aras 4, Blok Utara, Kompleks Kementerian Kewangan
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 PUTRAJAYA
(u.p. : Ketua Seksyen Dasar Perolehan)

Ketua Pegawai Eksekutif
Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Menara Hasil
Aras 18, Persiaran Rimba Permai, Cyber 8
63000 CYBERJAYA
(u.p.: Pengarah Jabatan Pematuhan Cukai)

Ketua Pengarah Kastam
Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Aras 3 -7, Blok A, Menara Tulus
No. 22, Persiaran Perdana , Presint 3
61200 PUTRAJAYA
(u.p.: Pengarah Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST))


Sekretariat
Majlis Perundingan Gaji Negara
Kementerian Sumber Manusia
Aras 7, Blok D3, Kompleks D
62530 PUTRAJAYA

Professional Training & Education For Growing Entrepreneurs (Protege)
Aras 2, Blok E4/5, Parcel E
Kementerian Pembangunan Usahawan
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668, PUTRAJAYA
(u.p. : Ketua Sekretariat PROTÉGÉ)

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :



Tandatangan & Cop (Syarikat) :



8 daripada 10

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini


SURAT AKUAN PERUNDING BERJAYA
(Perkhidmatan Perunding Bagi Rekabentuk Terperinci Rancangan Tebatan Banjir Sungai
Trong, Daerah Larut, Matang Dan Selama, Perak Darul Ridzuan: JPS/IP/C/BPB/32/2026)

Saya, Jamaluddin B. Abdullah nombor K.P. 650311-08-5035
yang mewakili ILHAM JURUTERA SDN. BHD. (nama syarikat) nombor pendaftaran
(*MOF/CIDB/SSM) 465-00001235 dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana
individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana
individu dalam Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia atau mana-mana individu lain, sebagai
ganjaran untuk dipilih dalam tender seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa
bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender seperti di atas, maka
saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-
mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender seperti di
atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.


Yang Benar

Nama :


No. KP : IR. JAMALUDDIN BIN ABDULLAH
650311-08-5035
Cop Syarikat : Managing Director



Catatan:

- i) * Potong mana yang tidak berkenaan
- ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :  Tandatangan & Cop (Syarikat) : 



SURAT AKUAN SUMPAH SYARIKAT

Saya.....JAMALUDDIN BIN ABDULLAH..... nombor kad pengenalan
.....650311-08-5035..... yang mewakili syarikat ILHAM JURUTERA SDN. BHD. nombor pendaftaran
465-00001235 (*MOF/Lembaga Profesional/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku
bahawa:

- (a) syarikat **TIDAK** membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan Kerajaan bagi perolehan ini atau melakukan apa-apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (b) syarikat **TIDAK** membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;
- (c) syarikat **TIDAK** terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga dokumen kontrak ditandatangani;
- (d) syarikat/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah **TIDAK** disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia; dan
- (e) syarikat **TIDAK** digulungkan.

Sekiranya pada bila-bila masa, dibuktikan bahawa pengisytiharan perenggan di atas adalah tidak benar, Kerajaan berhak menarik balik tawaran kontrak atau menamatkan perkhidmatan syarikat bagi projek ini.

Dan saya membuat Surat Akuan Bersumpah ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar serta menurut Akta Akuan Berkanun 1960.

Diperbuat dan dengan
sebenar-benarnya diakui oleh

JAMALUDDIN BIN ABDULLAH
di Tasek Gelugor
pada 13 MAY 2026

Tandatangan.....

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

P 234
MOHAMAD AKMAL
BIN AZHAR
01.08.2024 - 31.12.2026

Catatan:

- i. *Potong mana yang tidak berkenaan.
- ii. Surat akuan ini hendaklah ditandatangani oleh penama di sijil pendaftaran MOF/CIDB.

Tandatangan & Cop (Kerajaan) :

Tandatangan & Cop (Syarikat) :

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak
Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini